

KATA-KATA ALUAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI
DI BUDGET CONSULTATION 2005 -SESI I
DI KEMENTERIAN KEWANGAN, PUTRAJAYA
6 MEI 2004

ASSALAMUALAIKUM WARAMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YB MENTERI KEWANGAN II

YBHG. KETUA SETIAUSAHA NEGARA

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKELIAN

1. TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG KE MAJLIS PADA PAGI INI. SETIAP TAHUN KITA MENGADAKAN SIDANG DIALOG BAJET, NAMUN KALI INI SAYA TELAH MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MENUKAR SEDIKIT FORMATNYA. SAYA PERCAYA HADIRIN SEKELIAN BERSETUJU JIKA KITA JADIKAN PERTEMUAN INI SATU PELUANG UNTUK BERINTERAKSI SERTA BERTUKAR-TUKAR FIKIRAN DAN PENDAPAT. DENGAN ITU, SAYA TELAH MEMUTUSKAN SUPAYA MAJLIS INI DITUKAR DARIPADA "BUDGET DIALOGUE" KEPADA "BUDGET CONSULTATION".

2. MAJLIS INI BUKAN SAHAJA MERUPAKAN YANG PERTAMA BAGI SAYA TETAPI JUGA PERTAMA KALI BAGI KERAJAAN BARISAN NASIONAL YANG BARU DIBERI MANDAT BESAR OLEH RAKYAT. DALAM USAHA MEMIMPIN DAN MEMBANGUNKAN NEGARA BERSAMA SAYA, BANTULAH SAYA UNTUK CUBA MENJADIKAN DASAR DAN STRATEGI BAJET KALI INI BERJAYA MEMENUHI JANJI MANIFESTO BARISAN NASIONAL.

TEMA BAJET

3. TEMA CONSULTATION BAJET 2005 IALAH "PERKONGSIAN SEKTOR AWAM DAN SWASTA KEARAH MENINGKATKAN PRESTASI DAN DAYA SAING MALAYSIA". TEMA INI DIPILIH UNTUK MENYATAKAN HASRAT KERAJAAN PENTINGNYA GANDINGAN KERJASAMA ERAT SERTA HUBUNGAN BAIK ANTARA SEKTOR SWASTA DAN AWAM DAN MENJADIKANNYA LANDASAN YANG KUKUH BAGI KITA MELANGKAH BERSAMA MENERUSKAN KEJAYAAN DI SAMPING MELONJAKKAN KEDUDUKAN NEGARA KE TAHAP YANG LEBIH TINGGI.

PERTEMUAN SELAMA TIGA HARI

4. SEPERTI TAHUN LALU, CONSULTATION INI AKAN DIADAKAN DALAM TIGA SESI IAITU:

I. SESI I YANG DIMULAKAN PADA PAGI INI, MENUMPUKAN KEPADA ISU-ISU EKONOMI MAKRO;

II. SESI II AKAN DIADAKAN ESOK BAGI MEMBINCANGKAN ISU-ISU SEKTORAL DALAM EKONOMI; DAN

III. SESI III PULA MERUPAKAN PERTEMUAN DENGAN WAKIL PERTUBUHAN SOSIAL DAN NGOS BAGI MEMBINCANGKAN ISU DAN AGENDA KEMASYARAKATAN YANG AKAN DIADAKAN PADA 10 MEI NANTI.

PRESTASI EKONOMI 2003

5. PADA TAHUN LALU, WALAUPUN KITA BERHADAPAN DENGAN PELBAGAI CABARAN AKIBAT SUASANA YANG TIDAK MENENTU BERIKUTAN PEPERANGAN IRAQ DAN WABAK SARS, NAMUN BERKAT KEGIGIHAN KITA MENGURUSKAN EKONOMI DENGAN BAIK, TERMASUK MELALUI PELAKSANAAN PAKEJ STRATEGI BARU YANG DILANCARKAN PADA 21 MEI DAN BAJET 2004 PADA 12 SEPTEMBER, NEGARA TELAH BERJAYA MENCATAT PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MEMBERANGSANGKAN PADA TAHUN 2003.

I. KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK) TELAH MENINGKAT SEBANYAK 5.2 PERATUS PADA TAHUN 2003, JAUH LEBIH TINGGI DARIPADA 4.5 PERATUS YANG DISASARKAN SEMULA OLEH KERAJAAN SELEPAS INSIDEN PEPERANGAN IRAQ DAN WABAK SARS.

PRESTASI SUKU PERTAMA 2004

II. INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN DAN EKSPORT NEGARA MENCATATKAN PERTUMBUHAN DUA DIGIT DALAM SUKU TAHUN PERTAMA 2004. ADALAH DIJANGKAKAN MOMENTUM PERTUMBUHAN INI AKAN BERTERUSAN SEHINGGA AKHIR TAHUN INI DAN SETERUSNYA PADA TAHUN 2005.

III. RIZAB LUAR NEGARA SEMAKIN MENINGKAT DAN BERADA PADA PARAS USD 53.4 BILLION PADA 30 APRIL 2004, MAMPU MEMBIAYAI 7.7 BULAN IMPORT TERTANGGUH;

IV. LEBIHAN DAGANGAN TELAH BERTERUSAN SELAMA 77 BULAN BERTURUT-TURUT SEJAK NOVEMBER 1997 SEHINGGA MAC TAHUN INI;

V. KADAR INFLASI BERADA PADA PARAS YANG TERKAWAL, MENCATAT KURANG DARIPADA SATU PERATUS BAGI TEMPOH SUKU PERTAMA TAHUN 2004;

VI. SEKTOR PERBANKAN TERUS KUKUH DENGAN KADAR N.P.L. BERKURANGAN KE PARAS 6.7 PERATUS PADA BULAN MAC 2004;

VII. DEFISIT KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN HUTANG LUAR NEGARA MASIH DI PARAS "SUSTAINABLE";

VIII. PENARAFAN NEGARA SEMAKIN KUKUH. FITCH RATING TELAH MEMBERI PENARAFAN A PADA 6 APRIL 2004;

IX. INDEKS KOMPOSIT BURSA MALAYSIA TELAH MENCATAT PARAS TERTINGGI 919 MATA PADA 22 MAC 2004 BERBANDING PARAS TUTUP 788 PADA 2 JANUARI 2004. BURSA DITUTUP PADA PARAS 847 MATA PADA 5 MEI 2004 (SEMALAM).

ASAS EKONOMI YANG TERUS KUKUH

6. PENCAPAIAN YANG BARU SAYA SEBUT MELETAKKAN MALAYSIA DI KEDUDUKAN YANG BAIK UNTUK TERUS MENJADIKAN ASAS EKONOMI NEGARA TERUS KUKUH UNTUK MELAKSANAKAN AGENDA PEMBANGUNAN. PERTUMBUHAN EKONOMI DUNIA DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA SECARA KESELURUHANNYA DIRAMALKAN BERTAMBAH MANTAP. OLEH ITU PERSOALANNYA IALAH BAGAIMANA KITA MENGGUNAKAN SEPENUHNYA PELUANG YANG TERBUKA DARI "UPCYCLE" INI DAN DARI KEKUKUHAN ASAS EKONOMI NEGARA.

7. KITA TIDAK LAGI BOLEH BERGANTUNG KEPADA PERKARA YANG LAZIM KERANA INI AKAN MENGGUGAT KEDUDUKAN DAYA SAING NEGARA. "WE CAN NO LONGER CONDUCT BUSINESS AS USUAL WHEN THE COMPETITIVE LANDSCAPE IS CHANGING." KITA TELAH MELETAKKAN ASAS UNTUK BERTUKAR KEPADA EKONOMI YANG BERGANTUNG KEPADA PRODUK NILAI DITAMBAH YANG TINGGI DAN INDUSTRI PERLU MENINGKATKAN OTOMASI DAN MENGGUNAKAN PEKERJA LEBIH CEKAP.

8. SETAKAT INI TRANSFORMASI TERSEBUT MASIH JAUH DARI YANG DIHARAPKAN JIKA DIUKUR DARIPADA PERMOHONAN INDUSTRI MENDAPATKAN PEKERJA ASING TIDAK MAHIR. KERAJAAN TELAH PUN MEMBERI PELBAGAI INSENTIF. MUNGKIN KITA PERLU MENELITI SEMULA PENDEKATAN TERMASUK INSENTIF YANG TELAH DIBERIKAN.

PERSAINGAN YANG SEMAKIN SENGIT

9. KEKUATAN SEKTOR SWASTA PENTING MEMANDANGKAN CABARAN PERSAINGAN YANG LEBIH BESAR. DAHULUNYA MALAYSIA BERSAING DENGAN SEBILANGAN KECIL NEGARA MEMBANGUN. KINI, DENGAN KEWUJUDAN DUNIA TANPA SEMPADAN, KITA TERPAKSA BERTANDING DENGAN NEGARA-NEGARA BESAR TERMASUK YANG BARU MEMBUKA DAN MULA BERSAING DI PASARAN DUNIA SEPERTI NEGARA CHINA DAN INDIA.

10. PADA MASA YANG SAMA, NEGARA-NEGARA MAJU TERUS MENDESAK NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SUPAYA MEMBUKA PASARAN MEREKA DAN BERSAING SECARA LANGSUNG DENGAN SYARIKAT TERBESAR DAN TERNAMA DUNIA. KITA HARUS SEDAR BAHAWA PROSPEK PERSAINGAN BUKAN SAHAJA MEMBAWA CABARAN TETAPI JUGA MEMBUKA PELUANG. OLEH ITU APAKAH PENDEKATAN BARU DAN INOVATIF YANG KITA PERLU AMBIL SUPAYA SEKTOR SWASTA DAPAT MENGHARUNGI PERSAINGAN DISAMPING MENDAPAT FAEDAH DARI PELUANG YANG TERBUKA DAN SETERUSNYA DAPAT BERPERANAN SEBAGAI JENTERA PEMACU PERTUMBUHAN.

PELABURAN DOMESTIK DAN I.K.S.

11. KERAJAAN AKAN TERUS MEMBERI PENEKANAN KEPADA PELABURAN DOMESTIK DAN PEMBANGUNAN I.K.S., DI SAMPING TERUS MENGGALAKKAN PELABURAN LANGSUNG ASING (F.D.I.). SEKTOR AWAM PULA AKAN SENTIASA MEMBERI SOKONGAN, BERKERJASAMA DAN RESPONSIF, DALAM MENYEDIAKAN "ENABLING ENVIRONMENT" KEPADA PIHAK SWASTA UNTUK MENEROKA SUMBER-SUMBER KEKAYAAN BARU.

KEWANGAN SEKTOR AWAM

12. KERAJAAN AKAN TERUS MENGAMBIL LANGKAH MEMBINA YANG EFEKTIF DAN MELAKSANAKAN DASAR YANG BIJAK DENGAN PENGURUSAN KEWANGAN YANG BERHEMAT. LANGKAH KONSOLIDASI FISKAL AKAN DIAMBIL TERMASUK MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PERBELANJAAN AWAM.

13. PENGURUSAN KEWANGAN YANG BERKESAN MUNGKIN DAPAT MENGURANGKAN DEFISIT BAJET 2004 KURANG DARIPADA ANGGARAN 4.5 PERATUS DARIPADA KDNK. MEMANDANGKAN PERLUNYA KERAJAAN TERUS MEMBERI SOKONGAN KEPADA SEKTOR SWASTA DAN MEMASTIKAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL TERPELIHARA, KERAJAAN AKAN MEMASTIKAN DEFISIT BAJET YANG TERKAWAL DAN DIKURANGKAN SECARA BERPERINGKAT ("GRADUAL REDUCTION") DALAM JANGKA MASA SEDERHANA. PENGURANGAN DALAM PERBELANJAAN KERAJAAN AKAN DIAMBILALIH OLEH SEKTOR SWASTA, TERMASUK OLEH GOVERNMENT-LINKED COMPANIES (G.L.C.). PIHAK UNIT PERANCANG EKONOMI (EPU) AKAN BEKERJA BERSAMA PIHAK G.L.C. UNTUK MENGENALPASTI PELUANG-PELUANG PELABURAN YANG BOLEH DIBUAT OLEH PIHAK TERSEBUT. SATU PASUKAN PETUGAS YANG DIPENGERUSIKAN OLEH DATO' MUSTAPA MOHAMAD AKAN DITUBUHKAN UNTUK TUJUAN TERSEBUT, DI MANA TAN SRI NOR MOHAMED YACKOP DAN WAKIL-WAKIL SEKTOR SWASTA AKAN MENJADI AHLI. JUSTERU ITU, SAYA PERCAYA SEKTOR SWASTA DAPAT MENGISI APA-APA PENURUNAN DALAM PERBELANJAAN KERAJAAN BERBANDING MASA LALU.

PUBLIC SECTOR DELIVERY SYSTEM

14. DALAM USAHA MEREALISASIKAN CITA-CITA UNTUK MENERUSKAN KEJAYAAN, KERAJAAN TELAH MEMPERKENALKAN BEBERAPA DASAR PENTADBIRAN BARU, TERUTAMA MEMPERKASA SERTA MENINGKATKAN KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN. KARENAH BIROKRASI, LAYANAN KURANG MESRA, GEJALA RASUAH, TIDAK RESPONSIF SERTA KURANG CEKAP AKAN DIBANTERAS KETAHAP MINIMUM. SEBALIKNYA, INISIATIF KE ARAH MEWUJUDKAN PERKHIDMATAN AWAM BERTARAF DUNIA AKAN TERUS DIBERI PENEKANAN.

TANGGUNGJAWAB SEKTOR SWASTA

15. PADA HEMAT SAYA, KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN TIDAK HANYA TERHAD KEPADA SEKTOR AWAM, MALAHAN SEKTOR SWASTA ADALAH SAMA PENTING MENGAMALKAN BUDAYA CEMERLANG INI, BAGI MENJAMIN KEUTUHAN DAN MENINGKATKAN KECEKAPAN SEKTOR SWASTA.

16. KERAJAAN AKAN MEMBANYAKKAN SISTEM TENDER TERBUKA DALAM PEROLEHAN KERAJAAN. KAEDAH INI DAPAT MENJAMIN KOS EFEKTIF DAN MEMENUHI HASRAT KERAJAAN UNTUK BERBELANJA SECARA BERHEMAT DAN MENGELAKKAN PEMBAZIRAN. KITA INGIN MELIHAT SEKTOR SWASTA JUGA MENYOKONG ELEMEN-ELEMEN INI DAN MELIHAT PELAKSANAAN DASAR UNTUK MENINGKATKAN PRODUKTIVITI. KITA PERLU MEMIKIRKAN PEMBENTUKAN SISTEM GANJARAN YANG MENGHARGAI PENGAMBILAN RISIKO, INOVASI DAN DAYA KEUSAHAWANAN.

17. KERAJAAN JUGA AKAN MEMBINA BUDAYA PRESTASI NASIONAL (“NATIONAL PERFORMANCE CULTURE”) DI KALANGAN SYARIKAT-SYARIKAT MILIK KERAJAAN (“GOVERNMENT-LINKED COMPANIES”) MELALUI PENGGUNAAN INDIKATOR PRESTASI UTAMA (“KEY PERFORMANCE INDICATORS”). ADALAH DIHARAPKAN MELALUI SISTEM KPI INI, PRESTASI PARA PENGURUS DAN PEKERJA, MALAH SYARIKAT-SYARIKAT ITU SENDIRI, AKAN DIPERBAIKI DAN DITINGKATKAN. SAYA BERHARAP SYARIKAT-SYARIKAT LAIN AKAN TURUT MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN PRESTASI DI KALANGAN PARA PENGURUS DAN PEKERJA MEREKA.

AGENDA SOSIAL

18. KERAJAAN AKAN TERUS BERUSAHA UNTUK MENINGKATKAN PENGLIBATAN USAHAWAN BUMIPUTERA DALAM EKONOMI TEMPATAN. NAMUN, AGENDA SOSIAL SEPERTI PENYUSUNAN TAHAP EKONOMI MASYARAKAT PERLU DILAKSANAKAN TANPA MENGENEPIKAN PERTIMBANGAN UNTUK MENGUKUHKAN PERTUMBUHAN EKONOMI.

19. SAYA HARAP SEKTOR SWASTA JUGA DAPAT BERSAMA KERAJAAN MENANGANI MASALAH KEMISKINAN. DALAM HUBUNGAN INI, SAYA DIMAKLUMKAN ANTARA ISU YANG AKAN DIBENTANGKAN OLEH PESERTA DALAM SESI III ADALAH PERANAN SEKTOR SWASTA DALAM PROGRAM MEMBASMI KEMISKINAN, TERUTAMA KEMISKINAN TEGAR ATAU "HARDCORE POVERTY".

PENUTUP

20. SAYA BERHARAP DAPAT MENCARI PERSEIMBANGAN DALAM USAHA KITA MEMBENTUK SEBUAH NEGARA MAJU YANG STABIL, AMAN DAN MAKMUR. SAYA BERHARAP PESERTA CONSULTATION BAJET 2005 DAPAT BERTUKAR FIKIRAN BAGI MEMBANTU KERAJAAN MENGGUBAL STRATEGI BAJET 2005.

PEMBENTANGAN

21. DENGAN INI, SAYA MULAKAN MAJLIS BUDGET CONSULTATION 2005 DENGAN MENJEMPUT WAKIL PERTUBUHAN DAN INDIVIDU UNTUK MEMBUAT PEMBENTANGAN. SETIAP PEMBENTANG AKAN DIBERI MASA 10 MINIT UNTUK MEMBERI PELUANG LEBIH RAMAI BERCAKAP.

22. BAGI MEMULAKAN PEMBENTANGAN, SUKACITA SAYA MENJEMPUT DATO' MICHAEL YEOH UNTUK MEMBENTANGKAN ISU GLOBALISASI.

DIPERSILAKAN.